



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU TAHUN KETIGA 2025

GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)
QUARTERLY
THIRD QUARTER OF 2025

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKU TAHUNAN
SUKU TAHUN KETIGA 2025

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERTUMBUHAN EKONOMI MENINGKAT 0.03 PERATUS BAGI SUKU TAHUN KETIGA 2025

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan peningkatan sebanyak 0.03 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun ketiga (Q3) 2025. KDNK meningkat daripada BND4,875.3 juta pada Q3 2024 kepada BND4,876.8 juta. Sektor Minyak dan Gas meningkat sebanyak 2.0 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.



2. Peningkatan Sektor Minyak dan Gas pada Q3 2025 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran gas asli berikutan pemulihan operasi selepas aktiviti penyelenggaraan; dan peningkatan pengeluaran Gas Cecair Asli (LNG) yang didokong oleh bekalan gas yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah menurun berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual dan tidak berjadual.
3. Penurunan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor, termasuk Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia (-10.9 peratus); Perkhidmatan Kerajaan (-2.8 peratus); Perkhidmatan Kesihatan (-14.0 peratus); dan Pembinaan (-3.7 peratus).
4. Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia menurun disebabkan oleh penurunan pengeluaran metanol dan baja urea, berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual. Penurunan Subsektor Perkhidmatan Kesihatan adalah selaras dengan penstrukturan institusi perkhidmatan kesihatan swasta utama. Manakala, Subsektor Pembinaan menurun berikutan aktiviti pembinaan yang berkurangan.
5. Pada harga semasa, ekonomi pada Q3 2025 adalah sebanyak BND4,778.2 juta, menurun daripada BND5,011.4 juta pada Q3 2024. Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 55.4 peratus, termasuk aktiviti hiliran minyak dan gas seperti pembuatan produk petroleum dan kimia. Manakala, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi Subsektor Perlombongan Minyak dan Gas, dan Subsektor Pembuatan LNG menyumbang sebanyak 44.6 peratus.
6. Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q3 2025 adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 58.6 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 40.2 peratus, dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.3 peratus.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, Eksport Barangan dan Perkhidmatan meningkat sebanyak 4.6 peratus pada Q3 2025. Manakala, komponen lain mencatatkan penurunan, termasuk Import Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 21.6 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 5.0 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan

sebanyak 3.0 peratus dan Pembentukan Modal Kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 0.1 peratus.

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q3 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

SUKU KETIGA 2025



جباةن فرانهفن ايكونومي دان ستاتيسٲك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM



**PERTUMBUHAN
KDNK**


0.03%

	Q3 2024	Q3 2025
Jumlah dalam BND juta pada harga tetap	4,875.3	4,876.8
Jumlah dalam BND juta pada harga semasa	5,011.4	4,778.2

**KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP**



**AGIHAN (%)
PADA HARGA SEMASA**



**PENYUMBANG UTAMA SEKTOR
BUKAN MINYAK & GAS**



Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia
- 10.9 %



Perkhidmatan Kerajaan
- 2.8 %




Perkhidmatan Kesihatan
- 14.0 %




Pembinaan
- 3.7 %

MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

**KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP**



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

GROSS DOMESTIC PRODUCT
QUARTERLY
THIRD QUARTER OF 2025

BRUNEI DARUSSALAM

ECONOMIC GROWTH INCREASED 0.03 PER CENT IN THE THIRD QUARTER OF 2025

1. *Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) at constant prices recorded an increase of 0.03 per cent year-on-year in the third quarter (Q3) of 2025. GDP rose from BND4,875.3 in Q3 2024 to BND4,876.8 million. The Oil and Gas Sector grew by 2.0 per cent, while the Non-Oil and Gas Sector registered a 1.8 per cent decline.*



2. *The expansion of the Oil and Gas Sector in Q3 2025 was primarily driven by higher natural gas production following the resumption of operations after maintenance activities; and the increased production of Liquefied Natural Gas (LNG), supported by adequate gas supply. However, crude oil production declined due to both scheduled and unscheduled maintenance activities.*
3. *The decline of the Non-Oil and Gas Sector was primarily attributed to a decline in the subsectors' performance, including Manufacture of Petroleum and Chemical Products (-10.9 per cent); Government Services (-2.8 per cent); Health Services (-14.0 per cent); and Construction (-3.7 per cent).*
4. *The Manufacture of Petroleum and Chemical Products Subsector declined due to lower production of methanol and urea fertilizer, following scheduled maintenance activities. The decline in Health Services Subsector was in line with the restructuring of a major private healthcare provider. Meanwhile, Construction Subsector declined, due to a reduction in construction activities.*
5. *At current prices, the economy in Q3 2025 stood at BND4,778.2 million, down from BND5,011.4 million in Q3 2024. The Non-Oil and Gas Sector accounted for 55.4 per cent, which includes downstream oil and gas activities, such as the manufacture of petroleum and chemical products. Meanwhile, the Oil and Gas Sector, comprising the Oil and Gas Mining Subsector and the Manufacture of LNG Subsector, contributed about 44.6 per cent.*
6. *By economic activities, the Industry Sector contributed 58.6 per cent, followed by Services Sector at 40.2 per cent, and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.3 per cent.*
7. *By the expenditure approach, Exports of Goods and Services expanded by 4.6 per cent in Q3 2025. Whereas, other components registered a decline, including Imports of Goods and Services by 21.6 per cent, Household Final Consumption Expenditure by 5.0 per cent, Government Final Consumption Expenditure by 3.0 per cent and Gross Capital Formation (physical asset investment) by 0.1 per cent.*
8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q3 2025 is available from DEPS's website at deps.mofe.gov.bn.*

GROSS DOMESTIC PRODUCT

THIRD QUARTER 2025



جباين فرانيغن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM



GDP GROWTH


0.03%

	Q3 2024	Q3 2025
Value in BND Million at constant prices	4,875.3	4,876.8
Value in BND Million at current prices	5,011.4	4,778.2

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES




NON-OIL & GAS SECTOR KEY CONTRIBUTORS



BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)